

## **SIARAN BERITA**

# **MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA BANK NEGARA MALAYSIA DENGAN SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**

**KUALA LUMPUR, 5 Jun 2014** - Bank Negara Malaysia (Bank) dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (Suruhanjaya) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pada hari ini.

Penandatanganan MoU ini dengan rasminya menyatakan hasrat Bank dan Suruhanjaya untuk menjalankan usaha sama dan kerjasama dalam bidang yang mempunyai objektif pengawalseliaan yang sama. Ini adalah untuk memudahkan pelaksanaan Akta Persaingan 2010 secara berkesan, dan objektif yang disasarkan iaitu untuk menggalakkan dan melindungi proses persaingan dan pada masa yang sama memastikan kestabilan sektor kewangan terpelihara secara keseluruhan.

MoU ini menjelaskan bidang usaha sama dan kerjasama antara Bank dengan Suruhanjaya. MoU ini menggariskan rangka kerja bagi rundingan dan penyelesaian isu berhubung dengan rumusan dan cadangan terhadap pindaan undang-undang, garis panduan, peraturan dan instrumen lain yang dikeluarkan oleh Bank dan Suruhanjaya dalam bidang pengawalseliaan yang sama, seperti amalan perniagaan antipersaingan (anti-competitive) yang dilarang dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, serta Akta Persaingan 2010.

MoU ini juga memperincikan dengan lebih jelas tindakan penyiasatan dan penguatkuasaan yang terpakai pada bidang yang mempunyai penguatkuasaan yang sama seperti yang disebut di atas. Kedua-dua Pihak akan saling memaklumi apabila sebarang pelanggaran diketahui dan akan berusaha untuk mencapai persetujuan secara bersama dengan segera berhubung dengan tindakan yang akan diambil. Prinsip persaingan dan kesan terhadap kestabilan kewangan akan diambil kira semasa membuat keputusan mengenai tindakan wajar yang akan diambil.

MoU ini ditandatangani oleh Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, Gabenor Bank Negara Malaysia dan Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob, Pengurus Suruhanjaya Persaingan Malaysia. Majlis menandatangani MoU ini telah disaksikan oleh YB Dato' Sri Hasan bin Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan YBhg Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

---tamat---

---

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Rowena Wong, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: [rowena@mycc.gov.my](mailto:rowena@mycc.gov.my)

Anis Syafiqah, Tel +603 2273 2277 (ext 217), Email: [anis@mycc.gov.my](mailto:anis@mycc.gov.my)

**Unit Komunikasi Korporat**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas

bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjelaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).